

TERMS AND CONDITIONS
RHB INSURANCE DIGITAL BANKING CAMPAIGN 2026
("these Terms and Conditions")

Customers who are interested in participating this campaign are advised to read and understand these Terms and Conditions before registering their participation in this campaign.

Any customer who does not understand any of these Terms and Conditions may contact RHBI Customer Relationship Centre, whose contact details are set out in the General Terms and Conditions clause below.

CAMPAIGN ORGANISERS

1. The **RHB Insurance Digital Banking Campaign ("Campaign")** is organised by RHB Insurance Berhad [Registration No. 197801000983 (38000-U) ("**RHBI**")].

CAMPAIGN PERIOD

2. The Campaign runs from **01/08/2026 to 31/12/2026 ("Campaign Period")**, both dates inclusive.

ELIGIBILITY

3. The Campaign is open to all new and existing RHBI's customers who have purchased for the Participating Products via RHB Online Banking or Mobile Banking App as stated in Clause [4] below (collectively, "**Eligible Participants**").
4. This Campaign applies only to Participating Products made through RHBI's participating channels and meet the requirement stated below ("**Participation Criteria**") during the Campaign Period.
5. The following individuals and entities, both residents and non-residents, are not eligible to participate in the Campaign:
 - (a) Individual below the age of eighteen (18) years;
 - (b) companies, commercial and corporate entities, sole proprietorships, partnerships, charitable/non-profit organisations, societies and schools; and
 - (c) committed or are suspected of committing any fraudulent, unlawful or wrongful acts in relation to the Eligible Products and/or any of the facilities granted by RHB Banking Group or have been declared bankrupt or subject to any bankruptcy proceedings at any time prior to or during the Campaign Period.

"RHB Banking Group" means RHB Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad, RHB Insurance Berhad and their respective affiliates, holding companies, subsidiaries, related companies/corporations, successors and assigns.

CAMPAIGN MECHANICS

7. To participate and stand a chance of winning the rewards and prizes under the Campaign, the Eligible Participants must meet the following qualifying requirements during the Campaign Period ("**Campaign Qualifying Requirements**"):

Participating Products	Requirement
Private Car Insurance	- Private use only. - Comprehensive coverage only. - Purchase made via RHB Online Banking or Mobile Banking App.
Travel Protector Plus	Purchase made via RHB Online Banking or Mobile Banking App.

CAMPAIGN REWARDS

8. Eligible Participants who meet the Campaign Qualifying Requirements will stand a chance of winning the following rewards / prizes (each a "**Campaign Reward**"):

Product	Criteria	Campaign Reward
Private Car Insurance	Monthly Prizes: Every 8 th policy within same month, up to 50 customers every month.	One (1) Shopee e-voucher worth RM80 ("Prize") for one policy purchased
	Grand Prize: One (1) policy purchased during the campaign period will be selected randomly.	One (1) Shopee e-voucher worth RM2,880 ("Prize") for one policy purchased
Travel Protector Plus	Grand Prize: One (1) policy purchased during the campaign period will be selected randomly	One (1) unit of Rimowa Luggage ("Prize")

WINNER SELECTION AND REWARD FULFILMENT CONDITIONS

9. For Private Car insurance category, each Eligible Policy stands a chance to win up to a maximum of one (1) Grand Prize and one (1) Monthly Prize in total throughout the Campaign Period; and each Eligible Participant can own multiple Eligible Policies (different vehicles).
10. For Travel Protector Plus insurance category, each Eligible Participant has a chance of winning one (1) grand prize during the Campaign Period.
11. The winner selection process is as follows:
- Monthly Prize for Private Car Insurance category - Winners for the relevant month within the Campaign Period will be selected based on every 8th policy transacted through RHB Online Banking and Mobile Banking App.
 - Grand Prize – One (1) winner will be selected randomly among the Eligible Transactions through RHB Online Banking and Mobile Banking App during the campaign period.
12. The Eligible Transactions are tracked based on the transaction date and time according to the Malaysian Standard Time and must appear in RHBI system to be accounted for the number of Eligible Transactions.

13. Fulfilment of Campaign Prize:

Shopee e-Voucher

- a. RHBI will send an official WhatsApp ("WA") or Electronic Direct Mailer ("eDM") to the latest mobile number or email of the winners in RHBI's records within six (6) to eight (8) weeks from after the end of each month. The Shopee e-voucher redemption link will be included in eDM.
- b. The unique redemption link is provided by an appointed vendor, Wogi Malaysia.
- c. Each winner is required to redeem his/her prize using the unique redemption link provided by RHBI.
- d. The winner shall redeem the Prize within six (6) months upon receiving the e-voucher redemption link.
- e. If any winner fails to redeem his/her prize within the validity period, his/her prize will be forfeited.
- f. The winner shall be bound by the Terms and Conditions of the Prize stipulated by Shopee.
- g. RHBI is not liable to meet the total number of winner(s) if all attempts to select the winners have been exhausted.

Rimowa Luggage

- a. RHBI will send an official WhatsApp ("WA") or Electronic Direct Mailer ("eDM") to the latest mobile number or email of the winner in RHBI's records within six (6) to eight (8) weeks after end of campaign period.
- b. RHBI will attempt to call the Eligible Participant selected from random selection, to confirm his/her respective mailing address
- c. RHBI will make a maximum of three (3) attempts to contact the Eligible Participant. Such Eligible Participant who cannot be contacted by RHBI after three (3) attempts will be disqualified from the Campaign and will be replaced by the next-in-line Eligible Participant.
- d. The Eligible Participant must ensure he/she provides his/her latest mailing address and contact information to RHBI so that RHBI can contact him/her to confirm his/her mailing address during the winner-calling session.
- e. The Rimowa Luggage will be couriered to the respective winner's mailing address within six (6) to eight (8) weeks after the mailing address is confirmed by the respective winner to RHBI.
- f. RHBI is not liable to meet the total number of winner(s) if all attempts to select the winners have been exhausted.

14. RHBI may substitute the Campaign Prize with another prize of similar value or specifications by giving sufficient prior notice to the Eligible Participants in the manner set out in Clause [17](b)(ii) below.

15. RHBI may disclose or publish the names and the last 4 digits of the identification numbers of the winners in corporate website (<https://www.rhbgroup.com/insurance/announcement/index.html>) for the purposes of announcing the winners of this Campaign.

16. Any winner who has any issue with his/her prize is advised to contact Shopee or Rimowa directly.

GENERAL TERMS AND CONDITIONS

17. By participating in the Campaign, each of the Eligible Participants agrees to the following:

- (a) he/she is bound by these Terms and Conditions;
- (b) (i) by giving sufficient prior notice, RHBI may:

- (1) vary any of these Terms and Conditions or suspend or terminate the Campaign following the introduction of or change in any laws or regulatory requirements applicable to RHBI and/or the Campaign; or
 - (2) vary any of these Terms and Conditions if, without such variation, RHBI will not be able to give effect to the Campaign.
 - (ii) RHBI may give such notice:
 - (1) by mailing such notice and the reason(s) for such variation, suspension or termination to the Eligible Participants;
 - (2) by sending such notice and the reason(s) for such variation, suspension or termination by WA (WhatsApp) or Electronic Direct Message (EDM) to the Eligible Participants; or
 - (3) by displaying such notice and the reason(s) for such variation, suspension or termination at RHBI's branches or on RHBI's website.
 - (iii) Any Eligible Participant who is not agreeable to such variation, suspension or termination is required to notify RHBI and will no longer be entitled to participate in the Campaign.
 - (c) the visuals of the rewards or prizes (each a **"Campaign Reward"**) and all other items shown in all materials and publications related to the Campaign and on RHBI's website are for illustrative and decorative purposes only and do not form part of the Campaign Rewards;
 - (d) he/she is not allowed to choose the colour or design of his/her Campaign Reward (if the Campaign Reward is a good);
 - (e) the Campaign Rewards cannot be transferred to any third party and cannot be exchanged for cash, credit or any other form of monetary payment;
 - (f) RHBI and/or its appointed vendor, supplier or agent may substitute the Campaign Rewards with another reward of similar value or specification by giving sufficient prior notice with reason(s) for such substitution in the manner as stipulated in Clause [17] (b)(ii) above;
 - (g) any Eligible Participant who has cheated or committed any unlawful or fraudulent act in relation to the Campaign and/or the product(s) to which the Campaign applies, will be disqualified from the Campaign;
 - (h) RHBI is not responsible for the condition or any loss or deterioration of or damage to the Campaign Rewards once accepted by the Eligible Participants.
- The Eligible Participants are advised to check the condition of their respective Campaign Reward before accepting the same (if the Campaign Reward is a good);
- (i) he/she is liable for all taxes and other fees and charges levied against him/her under the applicable laws, if any, for the acceptance of his/her Campaign Reward;
 - (j)
 - (i) RHBI is required to obtain and process the Eligible Participants' personal information to administer the Campaign;
 - (ii) by providing the personal information, the Eligible Participant has agreed to

such processing by RHBI; and

(iii) any Eligible Participant who is not agreeable to such processing by RHBI is required to notify RHBI and will no longer be entitled to participate in the Campaign;

(k) he/she further consents to RHBI obtaining and processing his/her personal information for the purposes of cross-selling, marketing and promotions of the products and/or services of RHB Banking Group or its strategic alliances which RHBI thinks may interest him/her. He/She has the option of choosing whether to receive marketing and promotional materials for the same from RHBI and may choose or change his/her option by contacting RHBI Customer Relationship Centre as follow:

RHBI Customer Relationship Centre

Email : rhbi.general@rhbgroup.com

Telephone No. : 1300 220 007

(l) the photographs/images together with the names of the Campaign Reward Winners may be used in RHBI announcement of the Campaign Reward Winners;

(m) RHBI is not liable for the non-receipt of, or any delay in the receipt of, any Campaign Reward Winner's Campaign Reward caused by:

(i) the suspension or termination of the Campaign pursuant to Clause [17] (b)(i)(1) above;

(ii) such Campaign Reward Winner's own action or inaction; or

(iii) by any act of God, war (whether declared or not), strike, riot, civil commotion or act of terrorism which is not attributable to RHBI and/or any of its employees, representatives and agents;

(n) unless there is any manifest (obvious) error, RHBI's decision on all matters relating to the Campaign is final, conclusive and binding against the Eligible Participants;

(o) he/she may contact RHBI Customer Relationship Centre for all matters relating to the Campaign (including any request to change or limit the processing of his/her personal information) to RHBI Customer Relationship Centre;

(p) if he/she is not satisfied with the resolution provided by RHBI Customer Relationship Centre and if the product(s) to which the Campaign applies is/are:

(i) for all banking product(s) or service(s) / capital market product(s) (example, trust product, etc.) / insurance or takaful claim(s), he/she may then refer the matter to the operator of the Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) approved by Bank Negara Malaysia:

Financial Markets Ombudsman Service (FMOS)

(Formerly known as Ombudsman for Financial Services (OFS) and Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC))

Address: Level 14, Main Block
Menara Takaful Malaysia
No 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

Telephone No.: +603-2272 2811

FMOS Website: <https://www.fmos.org.my/en/>

FMOS Complaint: <https://complaint.fmos.org.my/open.php>

Handling Website

- (q) these Terms and Conditions are to be read together with the terms and conditions of the Private Car and Travel Protector Plus which can be found at https://www.rhbgroup.com/-/media/Assets/Corporate-Website/Document/Motor-Insurance/Private_Car_Policy_Wording_M_PCP.pdf and https://www.rhbgroup.com/rhbi-travelinsurance/-/media/Microsites/rhbi_travelinsurance/files/travel_protector_plus_policy_wording.pdf ;
- (r) in the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and any other materials relating to the Campaign, these Terms and Conditions will prevail for matters dealt with in these Terms and Conditions.
- (s) this Campaign shall be governed by laws of Malaysia.

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
KEMPEN PERBANKAN DIGITAL RHB INSURANCE 2026
("Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini")**

Pelanggan - pelanggan yang berminat untuk menyertai kempen ini dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mendaftar penyertaan mereka dalam kempen ini.

Mana-mana pelanggan yang tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat ini boleh menghubungi Kaunter Khidmat Pelanggan RHBI, yang butiran hubungannya dinyatakan dalam klausa Terma dan Syarat Am di bawah.

PENGANJUR-PENGANJUR KEMPEN

1. **Kempen Perbankan Digital RHB Insurance 2026** ini ("**Kempen**") dianjurkan oleh RHB Insurance Berhad [No. Pendaftaran 197801000983 (38000-U) ("**RHBI**")].

TEMPOH KEMPEN

2. Kempen ini berlangsung dari **01/08/2026** hingga **31/12/2026** ("**Tempoh Kempen**"), termasuk kedua-dua tarikh.

KELAYAKAN

3. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan baharu dan sedia ada RHBI yang telah membeli Produk Yang Mengambil Bahagian seperti yang dinyatakan di Klausa [4] di bawah (secara kolektif, "**Peserta-Peserta Yang Layak**").
4. Kempen ini hanya terpakai kepada Insurans Kereta Persendirian dan Insurans Perlindungan Perjalanan Tambahan ("**Produk Yang Mengambil Bahagian**") yang dibuat melalui saluran RHBI yang mengambil bahagian Retail Bancassurance dan memenuhi syarat penyertaan di bawah ("**Syarat Penyertaan**") semasa Tempoh Kempen:

Insurans Kereta Persendirian dan Insurans Perlindungan Perjalanan Tambahan dibeli melalui Platform Perbankan Internet RHB (IBK),
atau

Insurans Kereta Persendirian dan Insurans Perlindungan Perjalanan Tambahan dibeli melalui Platform Perbankan Mudah Alih RHB (MBK).

5. Kempen ini tidak terpakai untuk pembelian insurans yang dibuat melalui saluran atau platform lain selain daripada Platform Perbankan Internet RHB (IBK) dan Platform Perbankan Mudah Alih RHB (MBK).
6. Individu-individu dan entiti-entiti berikut, pemastautin dan bukan pemastautin, adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini:-
 - (a) individu-individu di bawah umur lapan belas (18) tahun;
 - (b) syarikat-syarikat, entiti-entiti komersial dan korporat, milikan-milikan tunggal, perkongsian-perkongsian, pertubuhan-pertubuhan berkebajikan/tanpa untung, persatuan-persatuan dan sekolah-sekolah; dan
 - (c) melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan, tidak sah atau salah berkaitan dengan Produk-Produk Yang Layak dan/atau mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Kumpulan Perbankan RHB atau telah diisytiharkan bankrup atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.

"**Kumpulan Perbankan RHB**" bermaksud RHB Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad, RHB Insurance Berhad dan sekutu masing-masing, syarikat-syarikat pemegangan, syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat/perbadanan-perbadanan berkaitan, pengganti-pengganti dan penerima serah hak.

MEKANISME KEMPEN

7. Untuk berpeluang memenangi ganjaran-ganjaran dan hadiah-hadiah di bawah Kempen ini, Peserta-Peserta Yang Layak mesti memenuhi kriteria-kriteria kelayakan berikut semasa Tempoh Kempen ("**Kriteria-Kriteria Kelayakan Kempen**"):

Produk Yang Mengambil Bahagian	Syarat Penyertaan
Insurans Kereta Persendirian	- Untuk kegunaan persendirian sahaja. - Perlindungan komprehensif sahaja. - Pembelian mesti dibuat melalui Perbankan Dalam Talian RHB atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB.
Insurans Perlindungan Perjalanan Tambahan	Pembelian mesti dibuat melalui Perbankan Dalam Talian RHB atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB.

GANJARAN-GANJARAN KEMPEN

8. Peserta-Peserta Yang Layak yang memenuhi Kriteria-Kriteria Kelayakan Kempen akan berpeluang memenangi ganjaran-ganjaran / hadiah-hadiah berikut (setiap satu "**Ganjaran Kempen**"):-

Produk	Kriteria	Ganjaran Kempen
Insurans Kereta Persendirian	Hadiah Bulanan: Setiap polisi ke-8 yang dibeli dalam bulan yang sama, terhad kepada 50 pelanggan pertama setiap bulan.	Satu (1) E-Baucar Shopee bernilai RM80 ("Hadiah") untuk satu polisi dibeli.
	Hadiah Utama: Satu (1) polisi yang dibeli dalam tempoh kempen akan dipilih secara rawak.	Satu (1) E-Baucar Shopee bernilai RM2,880 ("Hadiah") untuk satu polisi dibeli.
Insurans Perlindungan Perjalanan Tambahan	Hadiah Utama: Satu (1) polisi yang dibeli dalam tempoh kempen akan dipilih secara rawak.	Satu (1) unit bagasi Rimowa ("Hadiah")

SYARAT-SYARAT PEMILIHAN PEMENANG DAN PEMENUHAN GANJARAN

9. Bagi kategori Insurans Kereta Persendirian, setiap Polisi Layak berpeluang memenangi maksimum satu (1) Hadiah Utama dan satu (1) Hadiah Bulanan sepanjang Tempoh Kempen. Setiap Peserta Layak boleh memiliki lebih daripada satu Polisi Layak (bagi kenderaan yang berbeza).

Bagi kategori Insurans Perlindungan Perjalanan Tambahan, setiap Peserta Layak berpeluang memenangi satu (1) Hadiah Utama sepanjang Tempoh Kempen.

10. Bagi kategori Insurans Perlindungan Perjalanan Tambahan, setiap Peserta Layak berpeluang memenangi satu (1) Hadiah Utama sepanjang Tempoh Kempen

11. Proses pemilihan pemenang adalah seperti berikut:
 - i) Hadiah Bulanan bagi kategori Insurans Kereta Persendirian – Pemenan-pemenang untuk bulan berkenaan dalam Tempoh Kempen akan dipilih berdasarkan setiap polisi ke-8 yang berjaya ditransaksikan melalui Perbankan Dalam Talian RHB (IBK) dan Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB (MBK).
 - ii) Hadiah Utama – Satu (1) pemenang akan dipilih secara rawak daripada semua Transaksi Layak yang berjaya dilakukan melalui Perbankan Dalam Talian RHB dan Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB sepanjang Tempoh Kempen.
12. Transaksi-Transaksi Yang Layak dijejaki berdasarkan tarikh dan masa transaksi mengikut Waktu Piawai Malaysia dan mesti tampil dalam sistem RHBI untuk diambil kira dalam bilangan Transaksi Yang Layak dan Penyertaan Kempen.
13. Pemenuhan Hadiah Kempen:
e-Baucar Shopee
 - a. RHBI akan menghantar mesej rasmi melalui WhatsApp (“WA”) atau Penghantar Mesej Langsung Elektronik (Electronic Direct Message (“eDM”)) ke nombor telefon bimbit atau e-mel terkini pemenang-pemenang yang terdapat dalam rekod RHBI dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu selepas berakhirnya setiap bulan. Pautan penebusan e-baucar Shopee akan disertakan dalam eDM.
 - b. Pautan penebusan unik akan disediakan oleh vendor yang dilantik oleh RHB Insurance, iaitu Wogi Malaysia.
 - c. Setiap pemenang dikehendaki menebus hadiah masing-masing menggunakan pautan penebusan unik yang diberikan oleh RHBI.
 - d. Pemenang hendaklah menebus hadiah tersebut dalam tempoh enam (6) bulan selepas menerima pautan penebusan e-baucar.
 - e. Sekiranya mana-mana pemenang gagal menebus hadiahnya dalam tempoh sah laku yang ditetapkan, hadiah tersebut akan dianggap terbatal dan dilucut hak.
 - f. Pemenang adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat hadiah yang ditetapkan oleh Shopee.
 - g. RHBI tidak bertanggungjawab untuk memenuhi jumlah pemenang sepenuhnya jika semua percubaan pemilihan pemenang telah dilakukan.

Bagasi Rimowa

- a. RHBI akan menghantar mesej rasmi melalui WhatsApp (“WA”) atau Penghantar Mesej Langsung Elektronik (Electronic Direct Message (“eDM”)) ke nombor telefon bimbit atau e-mel terkini pemenang yang terdapat dalam rekod RHBI dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu selepas berakhirnya tempoh kempen.
- b. RHBI akan cuba menghubungi Peserta Layak yang dipilih secara rawak melalui panggilan telefon untuk mengesahkan alamat surat-menyurat masing-masing.
- c. RHBI akan membuat maksimum tiga (3) percubaan untuk menghubungi Peserta Layak tersebut. Peserta Layak yang tidak dapat dihubungi oleh RHBI selepas tiga (3) percubaan akan digugurkan daripada Kempen ini dan akan digantikan oleh Peserta Yang Layak berikutnya.
- d. Peserta Layak mesti memastikan beliau memberikan alamat surat-menyurat terkini dan maklumat hubungan kepada RHBI supaya RHBI dapat menghubungi beliau untuk mengesahkan alamat surat-menyurat semasa sesi pemanggilan pemenang.
- e. Bagasi Rimowa akan dihantar oleh kurier ke alamat surat-menyurat pemenang dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu selepas alamat surat-menyurat disahkan oleh pemenang masing-masing kepada RHBI.
- f. RHBI tidak bertanggungjawab untuk memenuhi jumlah pemenang sepenuhnya jika semua percubaan pemilihan pemenang telah dilakukan.

14. RHBI boleh menggantikan Hadiah Kempen dengan hadiah lain yang memiliki nilai atau spesifikasi yang serupa dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi kepada Peserta-Peserta Yang Layak dalam cara yang dinyatakan dalam Klausula [17](b)(ii) di bawah.
15. RHBI boleh mendedahkan atau menerbitkan nama-nama dan empat (4) angka terakhir nombor kad pengenalan pemenang-pemenang di laman web korporat (<https://www.rhbgroup.com/insurance/announcement/index.html>) untuk tujuan mengumumkan pemenang-pemenang Kempen ini.
16. Mana-mana pemenang yang mempunyai sebarang isu dengan hadiah mereka dinasihatkan untuk menghubungi Shopee atau Rimowa secara langsung.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM

17. Dengan menyertai Kempen, setiap Peserta Yang Layak bersetuju dengan perkara berikut:
 - (a) beliau terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - (b)
 - (i) dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi, RHBI boleh:
 - (1) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini atau menggantung atau menamatkan Kempen ini berikutan pengenalan atau perubahan dalam mana-mana undang-undang atau keperluan-keperluan kawal selia yang terpakai kepada RHBI dan/atau Kempen ini; atau
 - (2) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini jika, tanpa perubahan sedemikian, RHBI tidak akan dapat memberi kesan kepada Kempen ini.
 - (ii) RHBI boleh memberi notis sedemikian:
 - (1) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian kepada Peserta-Peserta Yang Layak;
 - (2) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) untuk perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian melalui WhatsApp ("WA") atau Mesej Langsung Elektronik (*Electronic Direct Message* ("EDM")) kepada Peserta-Peserta Yang Layak; atau
 - (3) dengan memaparkan notis tersebut dan sebab(-sebab) bagi perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian di cawangan-cawangan RHBI atau laman web RHBI.
 - (iii) Mana-mana Peserta Yang Layak yang tidak bersetuju dengan perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian dikehendaki memberitahu RHBI dan tidak akan lagi berhak untuk menyertai Kempen ini.
 - (c) visual-visual ganjaran atau hadiah (setiap satu "**Ganjaran Kempen**") dan semua benda lain yang ditunjukkan dalam semua bahan dan penerbitan yang berkaitan dengan Kempen ini dan di laman web RHBI adalah untuk tujuan-tujuan ilustrasi dan hiasan sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada Ganjaran-Ganjaran Kempen ini;
 - (d) beliau tidak dibenarkan memilih warna atau reka bentuk Ganjaran Kempen (jika Ganjaran Kempen itu adalah sesuatu barang);

- (e) Ganjaran-Ganjaran Kempen itu tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau sebarang bentuk pembayaran monetari lain;
- (f) RHBI dan/atau penjual, pembekal atau ejen yang dilantiknya boleh menggantikan Ganjaran-Ganjaran Kempen itu dengan ganjaran lain yang mempunyai nilai atau spesifikasi yang serupa dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi dengan sebab(-sebab) untuk penggantian tersebut mengikut cara yang ditetapkan dalam Klausula [17] (b)(ii) di atas;
- (g) mana-mana Peserta Yang Layak yang telah menipu atau melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang atau penipuan berhubung dengan Kempen ini dan/atau produk yang digunakan dalam Kempen ini, akan digugurkan daripada Kempen ini;
- (h) RHBI tidak bertanggungjawab ke atas keadaan atau sebarang kehilangan atau kerosotan atau kerosakan pada Ganjaran-Ganjaran Kempen setelah diterima oleh Peserta-Peserta Yang Layak.

Peserta-Peserta Yang Layak dinasihatkan untuk menyemak keadaan Ganjaran Kempen masing-masing sebelum menerima Ganjaran Kempen yang sama (jika Ganjaran Kempen adalah sesuatu barang);

- (i) beliau bertanggungjawab ke atas semua cukai dan yuran dan caj lain yang dikenakan terhadapnya di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, untuk penerimaan Ganjaran Kempen;
- (j)
 - (i) RHBI dikehendaki mendapatkan dan memproses maklumat peribadi Peserta-Peserta Yang Layak untuk mentadbir Kempen;
 - (ii) dengan memberikan maklumat peribadi, Peserta-Peserta Yang Layak telah bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHBI; dan
 - (iii) mana-mana Peserta-Peserta Layak yang tidak bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHBI dikehendaki memaklumkan RHBI dan tidak lagi berhak untuk menyertai Kempen ini;
- (k) beliau seterusnya memberi kebenaran-kebenaran kepada RHBI untuk mendapatkan dan memproses maklumat peribadinya untuk tujuan-tujuan penjualan silang, pemasaran dan promosi produk-produk dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB atau pakatan strategiknya yang RHBI fikir mungkin menarik minatnya. Beliau mempunyai pilihan untuk memilih sama ada untuk menerima bahan pemasaran dan promosi untuk bahan yang sama daripada RHBI dan boleh memilih atau menukar pilihannya dengan menghubungi Kaunter Khidmat Pelanggan RHBI seperti berikut:

Pusat Hubungan Pelanggan RHBI

E-mel : rhbi.general@rhbgroup.com

No. Telefon : 1300 220 007

- (l) gambar-gambar/imej-imej berserta nama-nama Pemenang Ganjaran Kempen boleh digunakan dalam pengumuman RHBI tentang Pemenang-Pemenang Ganjaran Kempen;
- (m) RHBI tidak bertanggungjawab ke atas ketidakterimaan, atau sebarang kelewatan dalam penerimaan, sebarang Ganjaran Kempen Pemenang Ganjaran Kempen yang disebabkan oleh:-
 - (i) penggantungan atau penamatan Kempen ini menurut Klausula [17](b)(i)(1) di atas;

- (ii) tindakan Pemenang Ganjaran Kempen sedemikian atau tidak bertindak; atau
- (iii) oleh sebarang tindakan Tuhan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, kekecohan awam atau tindakan keganasan yang tidak dikaitkan dengan RHBI dan/atau mana-mana pekerja, wakil dan ejennya;
- (n) melainkan jika terdapat sebarang kesilapan yang nyata (jelas), keputusan RHBI mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Peserta Yang Layak;
- (o) beliau boleh menghubungi Kuanter Khidmat Pelanggan RHBI untuk semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini (termasuk sebarang permintaan untuk menukar atau mengehadkan pemprosesan maklumat peribadinya) kepada Kaunter Khidmat Pelanggan RHBI;
- (p) jika beliau tidak berpuas hati dengan resolusi yang diberikan oleh Kaunter Khidmat Pelanggan RHBI dan jika produk(-produk) yang digunakan oleh Kempen ini adalah:-
 - (i) produk(-produk) atau perkhidmatan(-perkhidmatan) perbankan / produk(-produk) pasaran modal (contoh, unit amanah dan lain-lain) / tuntutan(-tuntutan) insurans atau takaful, beliau kemudiannya boleh merujuk perkara itu kepada pengendali Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia:

Financial Markets Ombudsman Service (FMOS)

(dahulu dikenali sebagai Ombudsman for Financial Services (OFS) dan Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC))

Alamat: Level 14, Menara Takaful Malaysia
No 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

No. Telefon: +603-2272 2811

No. Faksimili: +603-2272 1577

Portal FMOS: <https://www.fmos.org.my/bm/>

Portal Pengendalian: <https://complaint.fmos.org.my/open.php?lang=ms>

Aduan FMOS

- (q) Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat Insurance Kereta Persendirian dan Insurans Perlindungan Perjalanan Tambahan yang boleh didapati di https://www.rhbgroup.com/-/media/Assets/Corporate-Website/Document/Motor-Insurance/Private_Car_Policy_Wording_M_PCP.pdf dan https://www.rhbgroup.com/rhbi-travelinsurance/-/media/Microsites/rhbi_travelinsurance/files/travel_protector_plus_policy_wording.pdf ;
- (r) jika berlaku sebarang percanggahan antara Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan mana-mana bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan digunakan bagi perkara-perkara yang ditadbir oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini; dan
- (s) Kempen ini hendaklah ditadbir oleh undang-undang Malaysia.